



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan :

Tarikh :

KP/18

29 hb. Mac 2019

**“BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT”**

Pengerusi / Setiausaha / Ahli Jawatankuasa  
Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah  
**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

Tuan / Puan,

**SKIM TAKAFUL KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD BAGI  
TEMPOH 1/3/2019 – 29/2/2020**

- 1. PELANTIKAN ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD SEBAGAI  
PENGENDALI TAKAFUL UNTUK SKIM-SKIM TAKAFUL  
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**
- 2. NOTIS KADAR PREMIUM DAN PENAMBAHBAIKAN SKIM  
TAKAFUL KELOMPOK PENGHOSPITALAN DAN PEMBEDAHAN**

## **1. TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua anggota Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (“**KPDRM**”) berhubung perlantikan Etiqa Family Takaful Berhad (“**EFTB**”) sebagai pengendali / penaja jamin skim-skim takaful KPDRM bagi tempoh 1/3/2019 – 29/2/2020.

1.2 Pekeliling ini juga bertujuan untuk memaklumkan kadar premium Skim Takaful Kelompok Manfaat Penghospitalan dan Pembedahan bagi tempoh tersebut serta penambahbaikan manfaat bagi skim berkenaan.

## **2. LATARBELAKANG**

2.1 Pada bulan November 2018, KPDRM telah memulakan satu proses tender untuk pembaharuan Skim Takaful Berkelompok Manfaat Kemalangan dan Kematian ("**GTL**") dan Skim Takaful Berkelompok Manfaat Penghospitalan dan Pembedahan ("**GHS**") bagi tempoh 1/3/2019 – 29/2/2020.

2.2 Pada 27 Februari 2019, Mesyuarat Anggota Lembaga KPDRM yang bersidang telah memutuskan untuk melantik EFTB sebagai pengendali takaful / penaja jamin untuk Skim GTL dan GHS KPDRM bagi tempoh di atas.

2.3 Untuk Skim GTL, tiada perubahan pada kadar premium dan manfaat, manakala bagi Skim GHS pula terdapat beberapa penambahbaikan manfaat kepada peserta terutama kepada golongan anggota yang telah bersara. Pekeliling ini diedarkan bertujuan memberi maklumat terkini kepada Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah berhubung Skim GTL dan GHS KPDRM.

## **3. PELANTIKAN ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD SEBAGAI PENAJA JAMIN SKIM GTL DAN GHS KPDRM**

3.1 Bagi tempoh 1/3/2019 – 29/2/2020, Skim GTL dan GHS akan ditaja jamin oleh EFTB yang merupakan syarikat dalam kumpulan Maybank Berhad.

3.2 Untuk Skim GHS, KPDRM mengekalkan Asia Assistance Network (M) Sdn Bhd ("**AAN**") sebagai pentadbir pihak ketiga yang akan menguruskan pengeluaran surat jaminan dan kemasukkan ke hospital bagi peserta-peserta skim.

3.3 KPDRM akan bertindak sebagai wakil korporat (ejen) kepada EFTB untuk mentadbir skim.

## **4. KADAR PREMIUM**

4.1 Bagi Skim GTL, kadar premium kekal RM11.00 seunit.

4.2 Bagi Skim GHS, kadar premium ialah sebagaimana Jadual 1 berikut :-

**Jadual 1 : Kadar Premium Skim GHS (Pelan Perak)**

<b>Julat Umur*</b>	<b>Anggota (RM)</b>	<b>Pasangan (RM)</b>	<b>Anak (RM)</b>
25 tahun dan kurang	45.00	54.00	35.00
26 - 30 tahun	50.00	59.00	
31 - 35 tahun	55.00	66.00	
36 - 40 tahun	74.00	89.00	
41 - 45 tahun	93.00	112.00	
46 - 50 tahun	110.00	132.00	
51 - 55 tahun	147.00	177.00	
56 - 60 tahun	180.00	216.00	
61 - 65 tahun (pembaharuan shj)	252.00	303.00	
66 - 70 tahun (pembaharuan shj)	307.00	368.00	

\* Umur pada tarikh lahir akan datang

## **5. PINDAAN DAN PENAMBAHBAIKAN MANFAAT SKIM GHS**

5.1 Berikut ialah penambahbaikan manfaat serta pindaan untuk Skim GHS. Sila rujuk Lampiran 1 untuk jadual penuh manfaat. :-

### **5.1.1 Rawatan harian (daycare) untuk dialisis dan kanser.**

Rawatan dialisis (bagi pesakit kegagalan buah pinggang) dan rawatan kimoterapi (bagi pesakit kanser) merupakan rawatan yang perlu dibuat secara berkala. Sehubungan dengan itu, rawatan ini memerlukan perbelanjaan yang besar kepada pesakit. Kebanyakan kes dialisis terdiri daripada pesakit dari golongan pesara.

Rawatan dialisis dan kimoterapi tidak diklasifikasikan sebagai rawatan yang memerlukan kemasukkan hospital (*inpatient*), justeru tidak dilindungi di bawah polisi terdahulu. Menyedari ianya semakin diperlukan oleh peserta skim terutama golongan pesara, KPDRM telah

menggariskan manfaat ini sebagai satu manfaat tambahan dalam skim semasa. Walaubagaimanapun, bagi mengimbangi kadar premium supaya tidak meningkat dengan tinggi, **had tuntutan yang dibenarkan ialah RM20,000.00 bagi kedua-dua jenis rawatan.** Manfaat dibayar secara bayaran balik (*reimbursement*) berdasarkan jumlah sebenar yang dibayar oleh peserta.

#### 5.1.2 Manfaat Hospital Kerajaan

Di dalam polisi terdahulu, peserta yang menggunakan khidmat hospital kerajaan akan dibayar elaun tunai sebanyak RM200.00 untuk satu malam (maksimum 150 hari) sebagai gantian kepada kos rawatan yang dibiayai oleh kerajaan. Bagi kes yang melibatkan bahan implan (*implant*), pesakit perlu membeli bahan tersebut dan pihak Kementerian Kesihatan akan memohon bayaran balik (*reimburse*) daripada kerajaan bagi pihak pesakit.

Walau bagaimanapun, terdapat maklumbalas dari anggota peserta skim yang mendakwa, kerajaan boleh untuk tidak membayar balik bahan implan atau ubat-ubatan tertentu yang tiada dalam stok hospital kerajaan.

Sehubungan dengan itu, dalam skim semasa, skop tuntutan manfaat hospital kerajaan di perluaskan merangkumi bahan implan serta ubat-ubatan yang tidak dibiayai oleh kerajaan. **Peserta skim boleh memilih salah satu daripada manfaat samada menuntut elaun hospital atau reimbursement bahan implan / ubatan yang tidak dibiayai oleh kerajaan.** Had tuntutan bahan implan atau ubatan ialah **RM30,000.00** berdasarkan jumlah sebenar yang dibayar oleh peserta. Penuntut juga perlu mendapatkan pengesahan bertulis daripada Kerajaan / Kementerian Kesihatan bahawa bahan implan dan ubatan berkenaan tidak dibiayai oleh kerajaan.

#### 5.1.3 Pengurangan Caj Deduktibel (*Deductible*)

Deduktibel ialah bayaran atas sebahagian caj rawatan yang dikenakan kepada pesakit / peserta skim. Ianya merupakan terma biasa dalam industri rawatan hospital swasta bagi membendung salah guna manfaat dan mengimbangi kadar premium.

Bermula September 2017, caj deduktibel mula diperkenalkan oleh pihak pengendali takaful. Caj yang dikenakan ialah antara RM100.00 – RM350.00 setiap kemasukkan mengikut julat umur pesakit. Caj

RM350.00 dikenakan kepada peserta yang berumur melebihi 60 tahun (pesara).

Bagi membantu golongan ini, skim semasa menghadkan caj deduktibel kepada RM100.00 dan tidak tertakluk kepada julat umur pesakit.

Deduktibel dikecualikan bagi kes kemasukan ke hospital akibat kemalangan dan kemasukkan ke hospital-hospital kerajaan.

#### 5.1.4 Kadar Premium Bagi Anak (Pindaan Kaedah)

Dalam polisi sebelum ini, kadar premium yang dikenakan untuk penyertaan seorang hingga empat orang anak ialah RM137.50 (termasuk GST). Tambahan bagi setiap anak selepas itu ialah RM37.10. Bagi anggota yang memasukkan seorang anak sahaja, kadar RM137.50 adalah terlalu tinggi dan tidak munasabah. Kaedah ini tidak memihak kepada anggota. Sehubungan dengan itu, polisi semasa kini menambahbaik skim dengan mengenakan premium sebanyak RM35.00 bagi setiap orang anak. Kaedah ini lebih munasabah dan menguntungkan anggota terutama bagi penyertaan anak yang tidak ramai.

#### 5.1.5 Khairat Kematian Kemalangan (Pindaan)

Khairat kematian merupakan ciri utama di bawah Skim GTL. Bagi Skim GHS, fokus skim ialah kepada kemudahan dan pembiayaan kos rawatan dan pembedahan hospital. Walaubagaimanapun, polisi Skim GHS KPDRM terdahulu terkandung manfaat khairat kematian akibat kemalangan sebanyak RM3,000.00. Berdasarkan perangkaan, kes kematian akibat kemalangan bagi peserta GHS adalah rendah.

Sehubungan dengan itu, bagi menambah beberapa manfaat baru skim seperti di para (5.1.1) – (5.1.3), tetapi dalam masa yang sama, mengekang kenaikan kadar premium supaya tidak terlalu tinggi, manfaat khairat kematian akibat kemalangan, Skim GHS diturunkan kepada **RM1,500.00 daripada RM3,000.00**.

## **6. TARIKH KUATKUASA**

6.1 Struktur perubahan harga premium dan manfaat skim berkuatkuasa mulai **1hb. Mac 2019**.

## **7. RUMUSAN**

7.1 Pemilihan EFTB sebagai penaja jamin skim oleh Mesyuarat Anggota Lembaga KPDRM adalah berdasarkan tawaran harga dan manfaat terbaik yang dibuat melalui proses tender. KPDRM sentiasa berusaha untuk mendapatkan harga yang terbaik bagi anggota, namun faktor tren industri seperti peningkatan kos rawatan serta rekod tuntutan lampau yang tinggi tetap menjadi faktor penentu harga premium yang ditawarkan.

7.2 Penambahbaikan serta beberapa pindaan terma dan kaedah diharap dapat memberi lebih manfaat kepada peserta skim takaful KPDRM. Sehubungan dengan itu, kami mohon kerjasama tuan/puan untuk menghebahkan perkara ini kepada anggota di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“SEJAHTERA BERSAMA KOPERASI PDRM”**

Yang Benar



**DATO' HAJI ROSLI BIN DIN**  
Setiausaha

s.k 1. Pengerusi  
2. Anggota Lembaga Koperasi